

JANGAN JUUAL MARUWAH BANGSA!

KUALA LUMPUR, Sabtu — Perdana Menteri mengingatkan generasi muda Malaysia supaya jangan mudah menjual maruah bangsa dan negara.

Mereka hendaklah menjaga maruah diri dan maruah bangsa. Mereka hendaklah sanggup berkorban hari ini demi kebaikan di hari esok.

"Mereka juga tidak harus utamakan keuntungan semasa atau secepat mungkin dengan membelakangkan nikmat dan kehormatan jangka panjang," tegas Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika merasmikan mesyuarat agung Koperasi Belia Nasional (Kobena) yang pertama.

Katanya, dari analisa asas kejayaan, faktor peribadi manusia menentukan jaya atau tidaknya sesuatu usaha.

"Sistem koperatif, sistem syarikat, sistem pengurusan - semuanya baik. Tetapi, jika sistem-sistem itu diusahakan oleh orang yang tidak berminat, tidak cekap dan yang mengutamakan kepentingan diri, tidak ada sistem yang boleh membawa kejayaan.

"Sebab itulah penekanan sekarang diberi kepada pembentukan peribadi yang baik di kalangan belia Malaysia supaya mereka berdisiplin, sanggup bekerja kuat dan sanggup menghadapi cabaran," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir menegaskan, generasi muda hendaklah mengutamakan kejayaan masyarakat lebih dari kejayaan diri sendiri.

Menurut Perdana Menteri, "Kita dapat belajar dari pengalaman bangsa dan negara lain. Sejarah menunjukkan bagaimana sesuatu bangsa itu berkembang dan maju menjadi satu tamadun dan bagaimana pula ia menjadi lumpuh akibat faktor-faktor tertentu dan tempatnya diganti oleh tamadun lain."

Sebaliknya, jelas Perdana Menteri, Republik Korea dan Jepun dapat berlumba dengan negara-negara barat yang maju sehingga bukan sahaja dapat menandingi mereka, malahan menunjukkan ciri-ciri melintasi pencapaian negara-negara barat.

Datuk Seri Dr Mahathir mengulangi, pengalaman kedua negara itu, khususnya aspek-aspek etika bekerja, harus menjadi pedoman negara ini dalam usaha membangunkan negara.

Perdana Menteri berkata, tidak ada sebab mengapa rakyat negara ini, sebagai bangsa Malaysia yang moden, tidak dapat menjadi bangsa yang maju dan agung dalam semua lapangan.